



FEMA

30 September, 2021

DR-4615-NY NR 008

Meja Berita Negeri: (518) 474-8418

Meja Berita FEMA: (202) 322-6071

E-mel: fema-4615ny@fema.dhs.gov

Hebahan Berita

Penyewa Mungkin Layak Menerima Bantuan Bencana

NEW YORK – Bantuan bencana persekutuan bukan hanya untuk pemilik-pemilik rumah. Ia juga disediakan untuk penyewa-penyewa yang layak, dan dapat menampung perbelanjaan seperti perabot, peralatan yang berkaitan dengan pekerjaan, pemberian kenderaan, malah bil perubatan dan pergigian yang disebabkan oleh bencana.

Penyewa-penyewa di **daerah Bronx, Kings, Nassau, Queens, Richmond, Rockland, Suffolk dan Westchester** yang mengalami kerosakan, kerugian atau tidak dapat tinggal di kediaman mereka akibat Taufan Ida mungkin layak untuk menerima bantuan daripada FEMA dan Pentadbiran Perniagaan Kecil A.S.

Sekiranya anda mempunyai insurans penyewa, hubungi penyedia insurans anda terlebih dahulu bagi membuat tuntutan. Kemudian buat permohonan kepada FEMA. Jika anda dilindungi insurans, anda mesti mengemukakan maklumat daripada penyedia insurans anda kepada FEMA, yang mana mungkin termasuk maklumat penyelesaian atau penolakan.

Bantuan sewa FEMA bertujuan untuk menampung sewa bulanan dan kos utiliti utama (iaitu, gas, elektrik dan air). Bantuan kewangan FEMA boleh juga digunakan untuk deposit jaminan tetapi bukan untuk perkhidmatan telefon, kabel atau internet.

Penyewa-penyewa mestilah berupaya membuktikan bahawa mereka merupakan penghuni kediaman utama yang mengalami bencana sebelum menerima Bantuan Perumahan FEMA dan beberapa jenis Bantuan Keperluan Lain FEMA (iaitu, untuk harta benda peribadi dan untuk perbelanjaan berpindah juga penyimpanan barang).

Bagi membuktikan penghunian, mangsa yang terselamat bolehlah menyerahkan kepada FEMA: perjanjian sewa atau perumahan, resit sewaan, bil utiliti, penyata pembelian, kenyataan dari pegawai kerajaan, kad pengenalan, dokumen organisasi perkhidmatan sosial, dokumen-dokumen sekolah tempatan, dokumen-dokumen faedah persekutuan atau negeri, pendaftaran kenderaan bermotor, afidavit tempat tinggal atau dokumentasi mahkamah lain dan dokumen tapak rumah bergerak. Talian Bantuan pakar FEMA di 800-621-3362 (711 / VRS) dapat memberikan maklumat lanjut mengenai dokumen yang boleh diterima, tarikh dan keterangannya.

Penyewa-penyewa boleh dirujuk ke Pentadbiran Perniagaan Kecil A.S., yang menyediakan pinjaman bencana dengan faedah rendah kepada mangsa yang terselamat. Pinjaman SBA ini dapat membantu atasi kerugian yang tidak dilindungi insurans. Penyewa-penyewa boleh memohon pinjaman hingga \$ 40,000 untuk tujuan membaiki atau mengganti kandungan isi rumah yang rosak atau musnah termasuklah pakaian, perabot, peralatan dan harta benda peribadi lain termasuk kenderaan. Mereka yang tidak memenuhi syarat untuk mendapatkan pinjaman SBA boleh dirujuk semula ke program pemberian Bantuan Keperluan Lain FEMA.

Sekiranya anda dirujuk ke SBA, anda harus melengkapkan dan mengemukakan permohonan anda. Sekiranya permohonan anda diluluskan, anda tidak diwajibkan untuk menerima pinjaman tersebut namun kegagalan mengemukakan permohonan boleh membatalkan anda daripada kemungkinan menerima bantuan FEMA yang lain.

Terdapat beberapa cara untuk memohon bantuan FEMA:

- Layari laman DisasterAssistance.gov, gunakan aplikasi mudah alih FEMA atau hubungi Talian Bantuan FEMA di 800-621-3362 (711 / VRS). Talian dibuka dari jam 8 pagi hingga 7 malam tujuh hari seminggu, dan operator boleh menghubungkan anda dengan pakar yang boleh bertutur dalam bahasa anda. Sekiranya anda biasa menggunakan perkhidmatan geganti seperti perkhidmatan geganti video, perkhidmatan telefon kapsyen atau lain-lain, sila beri FEMA nombor untuk perkhidmatan tersebut.

FEMA juga telah membuka Pusat Pemulihan Bencana di mana anda boleh bertemu secara bersemuka dengan kakitangan FEMA dan wakil agensi persekutuan dan negeri lain yang dapat memberikan maklumat mengenai bantuan bencana yang kemungkinan sedia ada untuk anda. Bagi mencari pusat pemulihan berhampiran anda, sila lawati [DRC Locator \(fema.gov\)](https://DRCLocator.fema.gov).

Bagi memohon pinjaman SBA, sila layari laman web terjamin SBA di <https://DisasterLoanAssistance.sba.gov>. Anda juga boleh menghantar e-mel kepada DisasterCustomerService@SBA.gov atau menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan SBA di 800-659-2955 untuk maklumat lanjut.

Hari terakhir untuk memohon bantuan FEMA adalah pada hari Jumaat, 5 November.

Untuk sumber dalam talian tambahan serta risalah FEMA yang boleh dimuat turun, layari DisasterAssistance.gov dan klik "Maklumat."

Untuk rujukan ke agensi-agensi yang memberi bantuan keperluan khusus komuniti, hubungi pusat 211Counts terdekat di <https://www.211nys.org/contact-us> atau hubungi 211. Untuk penduduk New York City, hubungi 311.

Untuk maklumat terkini mengenai usaha pemulihan Taufan Ida di New York, layari www.fema.gov/disaster/4615. Ikuti kami di Twitter di twitter.com/femaregion2 dan www.facebook.com/fema..

#

Misi FEMA membantu mereka sebelum, semasa, dan selepas bencana.